



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Pendidikan Islam

Aras Bawah dan Dua, Bangunan Mustapha Kamal,
No. 2251, Jalan Usahawan 1,
63000 CYBERJAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel : 603-8321 7200
Faks : 603-8321 7201
Laman Web : www.moe.gov.my/v/bpi
E-mel : bpi.kpm@moe.gov.my

Ruj. Kami : KPMSP. 600-1/3/5 (4)
Tarikh : 26 Januari 2016M
16 Jamadilakhir 1437H



Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENILAIAN PERKARA ASAS FARDU AIN (PAFA) SEKOLAH-SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1994 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 17/2002 adalah berkaitan.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia komited bagi memastikan murid-murid mengetahui, memahami dan mampu melaksana perkara-perkara asas fardu ain dengan sempurna melalui pelaksanaan penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA).

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini menegaskan bahawa penilaian PAFA diteruskan di sekolah rendah dan sekolah menengah melibatkan semua murid beragama Islam mengikut surat pekeliling ikhtisas sedia ada. Pencapaian PAFA bagi peringkat sekolah rendah (UPSR) dan menengah rendah (PT3) perlu dilaporkan dalam format Pentaksiran Sekolah (PS). Manakala, pelaporan PAFA bagi peringkat menengah atas adalah menggunakan mekanisme sedia ada yang telah ditetapkan oleh pihak KPM.

4. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah di bawah kawalan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(WAN RAMDZAN BIN WAN MAMAT)
Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

TARIKH PENYERAHAN: 1/2/16

<input checked="" type="checkbox"/> KPP	<input checked="" type="checkbox"/> Untuk Tindakan
<input type="checkbox"/> Ketua Unit PPI	<input type="checkbox"/> Untuk Makluman
<input type="checkbox"/> Ketua Unit PIPA	<input type="checkbox"/> Sila Hadir
<input type="checkbox"/> Ketua Unit Dakwah	<input type="checkbox"/> Sila Bincang
<input type="checkbox"/> Pen. Pengarah.....	<input type="checkbox"/> Sila Kaji/Kemukakan
<input type="checkbox"/> Penyelia.....	<input type="checkbox"/> Sila Uruskan
<input type="checkbox"/> PT	<input type="checkbox"/> Edaran Dalaman
<input type="checkbox"/> PAP	<input type="checkbox"/> Dalam Perhatian

CATATAN

penjajahan - email

